

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan Perubatan Transfusi Kebangsaan melalui Pusat Darah Negara dan Tabung-Tabung Darah di seluruh negara telah bekerjasama untuk membangunkan iBloodLinq, iaitu *Blood Bank Information System Versi 2* (BBISv2) sebagai sistem pengurusan maklumat yang lengkap dan bersepadu bagi perkhidmatan perubatan transfusi di Kementerian Kesihatan. Sistem BBISv2 yang komprehensif ini merangkumi semua proses kerja di perkhidmatan perubatan transfusi dan membolehkan pendigitalan maklumat dari pendermaan darah sehingga transfusi darah kepada pesakit.

2. Di Sabah, hospital-hospital utama yang telah menggunakan sistem ini termasuklah Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan Hospital Tawau mulai pada bulan September 2019. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 39,341 data penderma darah telah direkodkan di dalam Sistem BBISv2, iaitu 57.3% dari keseluruhan 68,741 penderma di negeri Sabah.

3. Kementerian Kesihatan bercadang untuk memperluaskan penggunaan Sistem BBISv2 kepada semua hospital Kementerian Kesihatan yang mempunyai Tabung Darah melalui permohonan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan ini termasuk Tabung-Tabung Darah lain di negeri Sabah yang masih belum mempunyai sistem tersebut.

Sekian, terima kasih.